

Tanah persatuan diceroboh

Pihak berwajib digesa teliti status tanah sebelum mula projek

KELANANG—Ahli-ahli Persatuan Nelayan Kuala Langat terkejut apabila tanah milik persatuan diceroboh oleh kontraktor dilantik Jabatan Laut dipercayai untuk membina rumah api di sini.

Pengerusi persatuan terabit, Mohd Jaman Haris berkata, beliau menggesa pihak yang berkenaan supaya meneliti status tanah yang ingin diusahakan dan bukannya meneruskan projek tanpa berbincang atau memaklumkan kepada pihak nelayan terlebih dahulu.

Menurutnya, beliau kesal apabila dimaklumkan oleh ahlinya bahawa kawasan berkenaan sedang ditambah oleh kontraktor yang dilantik. Malah, beberapa kali rundingan juga cuba dibuat, tetapi gagal.

“Walau bagaimanapun, selepas dihubungi, Jabatan



Keadaan tanah yang diceroboh di kawasan Kelanang.

Laut hadir dan segera menghentikan projek berkenaan. Mereka akan meneliti semula status tanah yang digunakan supaya tidak menjejaskan persekitaran dan aktiviti nelayan di sini,” katanya kepada *Sinar*

Harian, semalam.

Mohd Jaman yang juga merangkap Pengerusi Nelayan Selangor berkata, nelayan juga turut risau lebih-lebih lagi kawasan berkenaan juga baru sahaja dijadikan sebagai kawa-

san ternakan ikan kerapu dan dalam proses jualan bagi menjana pendapatan persatuan.

Menurutnya, beliau tidak mahu kejadian yang sama berlaku ke atas tanah milik persatuan nelayan seluas 24



MOHD JAMAN

hektar diceroboh oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atas alasan membina penampungan banjir, awal tahun lalu berterusan.

Dalam perkembangan lain, kelulusan daripada Kabinet mengenai status pampasan yang diminta oleh nelayan-nelayan dalam bantahan secara aman baru-baru ini masih belum diperoleh walaupun tarikh yang dijanjikan

adalah hari ini (semalam).

“Saya berharap, nelayan dapat bersabar kerana perbincangan berkenaan akan dibawa dalam mesyuarat di Kabinet pada hari ini bagi mendapat kata sepakat daripada perbincangan tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, beliau berpendapat, pampasan yang diminta oleh nelayan pada kali ini dianggap cerah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sudah membuktikan kerajaan membela nasib nelayan dengan adanya peruntukan RM300 juta melalui Skim Perumahan Nelayan.

Menurutnya, beliau mahu nelayan bersabar untuk sedikit masih lagi tanpa mengadakan bantahan bagi mengelakkan masalah lain timbul.